

22 NOV 1999

Ghafar-Cina

KEMENANGAN BESAR BN AKAN UNTUNGAN RAKYAT

MELAKA, 22 Nov (Bernama) -- Kemenangan besar Barisan Nasional (BN) akan menguntungkan rakyat termasuk masyarakat Cina kerana sudah menjadi dasar BN untuk mengagihkan kekayaan negara kepada semua, kata bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Ghafar Baba hari ini.

Rakyat telah dapat menikmati kekayaan bahan galian dan perladangan negara hasil daripada pemerintahan BN selama 42 tahun yang adil dan bertanggungjawab, kata beliau.

Oleh sebab itu kerjaan BN perlu diberikan mandat baru supaya dapat meneruskan usaha pembangunan yang memberikan kesenangan kepada rakyat, katanya ketika berceramah di hadapan kira-kira 200 anggota dan penyokong MCA di Batu Berendam di sini.

Ghafar merupakan calon BN bagi kerusi parlimen Batu Berendam pada pilihan raya 29 Nov ini.

Kerusi tersebut disandang oleh Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Wira Mohd Ali Rustam yang turut hadir di perjumpaan tersebut. Ali mengosongkan kerusi Batu Berendam itu untuk bertanding di DUN Paya Rumpit.

Ghafar berkata BN perlu menang dengan sekurang-kurangnya dua pertiga majoriti kerana hanya dengan kerajaan yang mendapat sokongan padu, hasil kekayaan negara "tidak akan hilang."

Kemenangan tersebut akan dapat mengelakkan negara daripada ditindas kuasa asing selain memastikan pelabur asing berani melabur secara besar-besaran di Malaysia, katanya.

"Keupayaan BN memerintah dan kebebasan yang diberikan kepada rakyat selama 42 tahun ini 'first class.'"

"Sebab itu walaupun telah berusia 74 tahun, saya mahu terus menyokong dan menyumbang kepada kerajaan BN," katanya.

Ghafar berkata tiada sebab beliau harus bersara sekarang kerana telah menjadi prinsipnya "semua orang mesti kerja sampai mati."

Menurut Ghafar beliau bukan mengejar pangkat menteri atau kekayaan dengan bertanding dalam pilihan raya kali ini.

"Saya mahu rapatkan lagi kerjasama Melayu, Cina dan India. Itu kerja susah tetapi sangat penting," katanya.

Sebagai ahli politik veteran, Ghafar berkata beliau telah melalui era Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan sekarang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

"Saya punyai penuh keyakinan dia (Dr Mahathir) adalah Perdana Menteri yang baik. Dia sihat, kerja siang dan malam untuk rakyat Malaysia. Rakyat akan rugi kalau tidak sokong dia," katanya.

Beliau juga berkata kehadiran anggota MCA pada ceramah itu merupakan petanda yang baik bahawa masyarakat Cina sedia untuk menyokong BN.

Katanya pada masa dahulu orang Cina kurang berminat mendengar ceramah politik kerana lebih mementingkan perniagaan mereka.

-- BERNAMA

AD NMO